

PENDATANG HARAM

Dr. M puji Jerman dan bidas Sweden

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kecamatannya terhadap sikap negara-negara jaguh pejuang prinsip hak asasi manusia yang kurang berminat untuk membantu Malaysia mengatasi masalah pendatang haram Vietnam.

Beliau memberi contoh, Sweden sebagai salah sebuah negara yang sentiasa melaungkan prinsip hak asasi manusia tetapi tidak mahu langsung menerima pendatang-pendatang haram yang berselerak di khemah-khemah peringgahan di negara ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan rombongan Ahli-Ahli Dewan Senet Republik Turkey di pejabatnya di sini beliau berkata:

"Negara-negara ini harus bersedia mengambil pendatang-pendatang haram di negara ini jika tidak jangan bertolak soal menjaga prinsip hak asasi manusia."

Sikap Perancis

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyatakan kesal terhadap negara-negara tersebut yang memandang sepi usaha-usaha dan rayuan Malaysia untuk menyelesaikan masalah itu.

Timbalan Perdana Menteri juga menyatakan kesal terhadap Kerajaan Perancis yang hanya mengambil 200 orang sahaja pendatang haram Vietnam dari kapal Hai Hong dan tidak sebagaimana yang dikatakan sebelumnya untuk mengambil 600 orang.

Beliau juga tidak puashati dengan sikap setengah negara yang mengamalkan dasar memilih dalam mengambil pendatang-pendatang haram dengan mengemukakan beberapa peraturan tertentu untuk faedah sendiri dan bukan untuk meringankan beban Malaysia.

KUALA LUMPUR, Isnin

Datuk Seri Dr. Mahathir sebaliknya memuji sikap Kerajaan Jerman Barat yang bermurah hati mengambil 600 orang pendatang haram dari kapal Hai Hong tanpa memilih 'bulu'.

Di samping itu, beliau berpendapat langkah Kerajaan Amerika Syarikat yang membuat pengumuman rasmi untuk mengambil 20,000 lagi pendatang haram Vietnam dari Malaysia akan menggalakkan lagi rakyat Vietnam untuk meninggalkan negara mereka dan merumitkan lagi masalah yang dihadapi oleh Malaysia.

"Amerika Syarikat sepatutnya terus mengambil pendatang-pendatang haram itu tanpa membuat sebarang pengumuman rasmi.

"Pengumuman itu akan menarik lebih ramai lagi rakyat Vietnam hendak meninggalkan negara mereka dan ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi Malaysia," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Vietnam sendiri tidak mahu menahan rakyatnya dari meninggalkan negara itu.

"Ini kerana golongan rakyat itu sudah tidak sanggup dengan dasar kerajaan lagi. Kerajaan Vietnam tidak boleh menahan mereka.

"Jika hendak menahan mereka terpaksa dimasuk ke dalam kurungan. Tetapi ini sudah melanggar prinsip hak asasi manusia," kata beliau lagi.

Mengenai sikap Malaysia, beliau berkata, Kerajaan tetap tidak akan menerima pendatang-pendatang haram itu dan akan mengambil sebarang langkah untuk mengatasinya.

Ini, katanya, masalah pendatang haram Vietnam ini serius jika dibandingkan dengan masalah yang dihadapi oleh negara-negara lain terutama Thailand kerana bentuk komposisi penduduk di Malaysia adalah berbeza.